

Rujukan Kami : Yas.Tr. 500 - 7 jld.2 (14)  
Tarikh : 19 Februari 2025

Semua Ketua Pen. Pengarah  
Pegawai Audit (Unit Audit Dalam)  
Pen. Pengarah Kanan (Ketua Unit Integriti)  
Ketua Unit (Komunikasi Korporat & Inovasi)  
**YAYASAN TERENGGANU.**

Pegawai Yayasan Terengganu Daerah  
**PEJABAT YAYASAN TERENGGANU DAERAH KEMAMAN.**

Semua Pengetua  
**SEK. MEN. IMTIAZ YAYASAN TERENGGANU.**

Semua Pengetua  
**PUSAT PENDIDIKAN YAYASAN TERENGGANU.**

Tuan/Puan,

### **IKLAN JAWATAN KOSONG KONTRAK YAYASAN TERENGGANU**

Perkara di atas dirujuk.

2. Dengan hormatnya, saya diarah memaklumkan bahawa bersama - sama ini disertakan iklan bagi mengisi kekosongan jawatan kontrak di Yayasan Terengganu sebagaimana berikut;

i. Pembantu Khidmat Am Gred H1 (Pemanduan) - 5 kekosongan

3. Pengisian jawatan ini terbuka kepada semua rakyat Negeri Terengganu yang memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan. Permohonan hendaklah dibuat secara atas talian dengan menggunakan pautan <https://ytklik.terengganu.gov.my>.

... 4. Bersama-sama ini disertakan iklan bagi jawatan-jawatan berkaitan untuk dipanjangkan kepada semua staf Yayasan Terengganu di bawah seliaan tuan/puan sebagaimana **LAMPIRAN.**

Rujukan Kami : Yas.Tr. 500 - 7 jld.2 (14)

5. Permohonan boleh dibuat mulai **20 Februari 2025 (Khamis) jam 12.00 tengah hari** dan tarikh tutup permohonan adalah pada **05 Mac 2025 (Rabu) jam 12.00 tengah hari**.

Sekian, terima kasih.

**“ TERENGGANU MAJU, BERKAT, SEJAHTERA ”**

**“ MALAYSIA MADANI ”**

**“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA ”**

Saya yang menjalankan amanah,

  
**(INTAN SHAHIRAH BINTI SAHARAN)**

Pen. Pengarah Kanan (Perjawatan & Perkhidmatan)

- s.k.
- i. Pengarah
  - ii. Semua Timbalan Pengarah
  - iii. Fail Timbul Khidmat Pengurusan



## IKLAN JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa daripada Warganegara Malaysia (keutamaan kepada rakyat Negeri Terengganu) yang berkelayakan dan berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan untuk mengisi kekosongan jawatan di Yayasan Terengganu seperti berikut:-

1. **JAWATAN** : Pembantu Khidmat Am Gred H1 (Pemanduan)
2. **KUMPULAN PERKHIDMATAN** : Pelaksana
3. **KLASIFIKASI PERKHIDMATAN** : Kemahiran
4. **TARAF JAWATAN** : **(Contract Of Service)**
5. **JADUAL GAJI** :

GAJI MINIMUM	GAJI MAKSIMUM	KENAIKAN GAJI TAHUNAN
RM1500.00	RM4680.00	RM100.00

6. **SYARAT LANTIKAN** :

6.1 Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- (a) Warganegara Malaysia dan rakyat Negeri Terengganu (\*);
- (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- (c)
  - (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan. (Gaji permulaan ialah pada Gred H1: RM1,500.00); atau
  - (ii) Sijil Vokasional Malaysia dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan. (Gaji permulaan ialah pada Gred H1: RM1,500.00); atau
  - (iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred H1: RM1,561.00); atau
  - (iv) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred H1: RM1,622.00);

6.2 Syarat Lantikan Bagi (Pemanduan)

- (i) Lesen memandu Kelas **D/E/E1/E2/F/G/H/I dan PSV** yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan [kecuali lesen memandu dalam tempoh percubaan (P)]; dan
- (ii) Berkebolehan memandu, mengendalikan dan menyenggara kenderaan berkenaan yang diliputi oleh skim perkhidmatan ini.
- (iii) Keutamaan diberikan kepada calon yang mempunyai pengalaman dan kemahiran memandu serta mengendalikan bas.

(\* ) Rakyat Negeri Terengganu bermaksud lahir di Negeri Terengganu / bapa lahir di Negeri Terengganu / mempunyai sijil kerakyatan Negeri Terengganu.

**7. SYARAT KELAYAKAN SPM / SVM:**

- (a) lulus enam (6) mata pelajaran termasuk Bahasa Melayu, dengan dua (2) daripada mata pelajaran adalah di peringkat Kepujian (sekurang –kurangnya Gred 'C') dan selebihnya peringkat Lulus (sekurang – kurangnya Gred 'E') dalam satu peperiksaan; atau
- (b) lulus enam (6) mata pelajaran termasuk Bahasa Melayu, dengan dua (2) mata pelajaran di peringkat Kepujian (sekurang-kurangnya Gred 'C') dan selebihnya peringkat Lulus (sekurang-kurangnya Gred 'E') yang dikumpulkan dalam dua peperiksaan dalam tempoh tiga tahun berturut-turut; dan
- (c) calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (Sekurang –kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia /Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

**8. DESKRIPSI TUGAS :**

- a. Mengendalikan kenderaan dan bertanggungjawab ke atas keselamatan dan penyelenggaraan kenderaan bagi memastikan kelancaran perjalanan urusan rasmi
  - i. Memastikan kenderaan berada dalam keadaan baik dan selamat digunakan.
  - ii. Memastikan kenderaan sentiasa berada dalam keadaan bersih.
  - iii. Mengemaskini buku log dan buku rekod penyelenggaraan.
- b. Membantu tugas - tugas operasi am bagi memastikan kelancaran urusan pejabat berjalan dengan teratur
  - i. Bertanggungjawab mengurus surat, membuat salinan dokumen, menyusun peralatan pejabat, mengurus bilik mesyuarat, menjaga kebersihan pejabat.

9. CARA MEMOHON :

- 9.1 Permohonan hendaklah dibuat secara **ONLINE SAHAJA** dengan menggunakan pautan <https://ytklik.terengganu.gov.my>. Kegagalan memuat naik dokumen boleh menyebabkan permohonan tidak lengkap/ditolak serta terbatal. Pemohon diminta terlebih dahulu membaca syarat dan maklumat jawatan yang dipohon.
- 9.2 Permohonan yang diterima daripada calon-calon yang tidak memenuhi kelayakan yang disyaratkan dalam iklan ini tidak akan dipertimbangkan. Keputusan pemilihan calon oleh Yayasan Terengganu adalah muktamad.
- 9.3 Hanya calon-calon yang layak selepas **tapisan sahaja** akan dipanggil untuk temu duga. Permohonan yang dikemukakan selepas tarikh tutup iklan tidak akan diproses.
- 9.4 Pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas **enam (6) bulan** dari tarikh tutup iklan, hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.
- 9.5 Sebarang pertanyaan boleh diajukan melalui emel : [uojwtm.ytrg@gmail.com](mailto:uojwtm.ytrg@gmail.com).

10. TARIKH BUKA PERMOHONAN : 20 Februari 2025 (Khamis) (12.00 Tengah hari)

11. TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 05 Mac 2025 (Rabu) (12.00 Tengah hari)